

SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK: KEKANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR) DI MALAYSIA

(Systematic Literature Review: The Obstacles of Home Teaching and Learning in Malaysia)

***Nur Syaedah Kamis¹, Mardziah Mohd Isa¹, Nur Syamilah Md Noor¹**

Submitted: 04-Jun-2023
Accepted: 23-Jun-2023
Revised: 04-Sep-2023
Published: 28-Dec-2023

¹Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam
Kolej Universiti Islam Perlis
Taman Seberang Jaya Fasa 3,
02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia.

*Corresponding author's email:
nursyaedah@kuips.edu.my

Abstrak

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) adalah suatu anjakan paradigma dalam dunia pendidikan di Malaysia rentetan berlakunya pandemik Covid-19 secara global. Namun demikian, tahap keberkesanan PdPR dilaporkan lemah dan memberi tekanan kepada para pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kekangan PdPR di Malaysia agar dapat diperkasakan sekiranya ianya dilaksanakan semula oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah sorotan literatur sistematik digunapakai untuk menjalankan kajian ini dengan berpandukan PRISMA untuk proses saringan dan semakan artikel jurnal yang dipilih daripada pangkalan data SCOPUS dan MyCite. Hasil kajian ini menjelaskan secara sistematik berkenaan kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan PdPR di Malaysia dan memberi impak praktikal untuk memperkasakan pelaksanaan PdPR di Malaysia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya serta agensi-agensi lain seperti Majlis Agama Islam Negeri untuk menggalakkan wakaf pendidikan bagi menangani isu ini.

Kata kunci: Cabaran, PdPR, pendidikan digital, wakaf pendidikan, Malaysia

Abstract

The implementation of home teaching and learning (PdPR) is a paradigm shift in the world of education in Malaysia in the wake of the global Covid-19 pandemic. However, the effectiveness of PdPR was reported to be weak and stressful for the students. This study aims to identify the constraints of PdPR in Malaysia so that it can be strengthened if it is re-implemented by the Ministry of Education Malaysia. The systematic literature review method is used to conduct this study based on PRISMA for the screening and review of journal articles selected from the SCOPUS and MyCite databases. The results of this study explain systematically the constraints or challenges in the implementation of PdPR in Malaysia and have a practical impact on strengthening the implementation of PdPR in Malaysia by the Ministry of Education Malaysia as well as other agencies such as the State Islamic Religious Council to promote educational waqf to address this issue.

Keywords: Challenge, PdPR, digital education, educational waqf, Malaysia

1.0 PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 telah mengubah sistem pendidikan negara ke arah pendidikan digital. Ini disebabkan sekatan pergerakan dan penutupan pengoperasian institusi pendidikan di negara yang dilaksanakan bagi mengekang penularan pandemik berlaku. Sistem pendidikan digital yang berteraskan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian telah menyebabkan para pelajar perlu memiliki peralatan

pembelajaran seperti komputer riba, telefon bimbit, mesin pengimbas, mesin pencetak dan langganan jaringan jalur lebar. Namun, ianya menjadi penghalang kepada para pelajar yang tidak berkemampuan untuk memiliki peralatan tersebut dan mengalami keciciran dalam pembelajaran (Nordin, 2021).

Pada mulanya, kerajaan berharap semua pihak bersikap positif dan memberikan kerjasama terhadap pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi sesi persekolahan yang dilihat sebagai kaedah terbaik ketika penularan Covid-19. Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Aminuddin Awang berpendapat ramai yang mengkritik PdPR kerana membandingkan kesan proses pembelajaran kaedah itu dengan kaedah pembelajaran bersemuka di sekolah. Walaubagaimanapun, PdPR adalah pilihan yang terbaik walaupun impak PdPR tidak sama dengan pembelajaran bersemuka bagi memastikan semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran berterusan. Guru-guru memulakan PdPR dalam keadaan serba kekurangan, kurang berkemahiran dan rujukan untuk panduan dalam keadaan murid tidak bersedia pada tahun 2020. Bagaimanapun, beliau berkeyakinan pada tahun 2021, pelaksanaan PdPR akan bertambah baik berikutan pengalaman guru-guru pada tahun lepas yang boleh dijadikan pengajaran (Saadiyah Ismail, 2021).

Pada tahun 2021, para guru didapati telah menguasai Panduan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah mengenai PdPR yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walaubagaimanapun, berikutan keciciran dalam pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah sepanjang PdPR, presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Mohd Azizee Hasan menjelaskan banyak kesulitan dan kesan pelaksanaan PdP seperti itu terhadap tahap pemahaman dan penguasaan murid ke atas satu-satu subjek. Beliau juga menekankan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) contohnya, menerusi pelaksanaan PdP dalam talian mendapati ia kurang mendapat sambutan dengan peratusan kehadiran murid dalam sesi itu hanya sekitar 20 hingga 30 peratus. Ini kerana penyertaan pelajar amat rendah sekali. Isu utama berkaitan disiplin murid, manakala persoalan capaian internet dan peranti digunakan, masih boleh diselesaikan (A. P. Rohman & M. N. Parzi, 2020).

Kira-kira 1.85 juta atau 37 peratus daripada lima juta pelajar di seluruh negara tidak mempunyai sebarang peranti sekali gus menyukarkan mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) secara dalam talian (Rahim, 2021). Situasi ini diketengahkan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim dengan mengambil inisiatif mencadangkan Kementerian Pendidikan menyediakan slot program TV Pendidikan seperti DidikTV dengan mengambil kira jumlah 97 peratus isi rumah mempunyai televisyen dan cuba untuk menyelesaikan kekangan yang dihadapi (Bernama, 2021). Beliau juga berharap pelaksanaan PdPR mampu disampaikan kepada semua pelajar seramai mungkin dan memastikan tidak ada pelajar tercicir untuk mengikuti pembelajaran ketika tempoh penutupan sekolah ketika ini.

Tidak semua pelajar berkemampuan untuk memiliki peralatan gajet yang canggih serta mempunyai capaian jaringan internet yang baik bagi membolehkan mereka mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian ini. Menurut KPM, 51.2% murid berasa tertekan semasa pembelajaran di rumah. Daripada kumpulan itu 48.9% murid menyatakan tertekan kerana interaksi yang terhad dengan guru, manakala 55.0% murid tertekan disebabkan interaksi terhad dengan rakan-rakan dan 53.4% pula tertekan disebabkan kurang bimbingan dalam sesi pembelajaran (FMT, 2022). Keadaan ini bermula dengan arahan KPM untuk mewajibkan PdPR, sambutan pelajar terhadap PdPR dilihat kurang menggalakkan. Salah satu faktor yang dibimbangi adalah kerana tidak semua pelajar mempunyai kelengkapan mencukupi untuk mengikuti PdPR dan terpaksa berkongsi gajet bersama saudara

yang lain ataupun hanya boleh mengikuti kelas pada waktu malam. Dalam mengenal pasti tahap keberkesanan PdPR dilaporkan lemah dan memberi tekanan kepada para pelajar, kajian ini dijalankan bertujuan ini adalah untuk mengenalpasti kekangan PdPR di Malaysia agar dapat diperkasakan sekiranya ianya dilaksanakan semula oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

2.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini adalah suatu kajian kualitatif menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik atau systematic literature review (SLR) berdasarkan kajian-kajian yang lepas berkaitan bagi mendapatkan hasil kajian ini. Kaedah kajian ini adalah berpandukan Perfect Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses (PRISMA) yang telah diguna pakai dalam kajian-kajian yang lepas (Abdullah et al., 2022; Nagaraj & Mahmud, 2023) seperti mana dalam Rajah 2.0.

2.1 Persoalan Kajian

Bagi membangunkan persoalan kajian, pengkaji-pengkaji telah mempertimbangkan untuk mengguna pakai rangka PICO (population, Interest, Context) seperti yang dicadangkan oleh Shaffril et al. (2021). Dalam konteks kajian ini, penggabungan tiga aspek ini telah digunakan untuk menjana persoalan kajian yang mana pelajar sekolah di Malaysia sebagai populasi, kekangan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sebagai kepentingan dan konteks dalam kajian ini.

2.2 Strategi Carian

Strategi carian perlu dibuat untuk mengeluarkan maklumat yang berkait rapat dengan cabaran yang dihadapi oleh pelajar sekolah dalam menjalani pengajaran dan pembelajaran di rumah. Dalam proses ini, artikel-artikel daripada kajian lepas telah dikenalpasti berkaitan dengan tajuk kajian. Pencarian artikel-artikel ini adalah berfokus dengan menggunakan pangkalan data SCOPUS dan MyCite yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sejak tahun 2011. Pemboleh ubah yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah cabaran pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR). Kata kunci "student" dan "challenges of home teaching and learning" telah digunakan untuk mencari artikel yang relevan dalam dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Jadual 2.2.1 Kata Kunci dan Pangkalan Data digunakan dalam Carian Artikel

Pangkalan data	Kata kunci yang digunakan
Scopus	TITLE-ABS-KEY ("student*") AND ("challenges") AND ("home learning and teaching" OR "PDPR"))
MyCite	@art_title ('student', 'home teaching and learning') @art_abstract ('student', 'home teaching and learning') @art_keywords ('student', 'home teaching and learning') @art_title_others ('student', 'home teaching and learning') @art_abstract_others ('student', 'home teaching and learning') @art_keywords_others ('student', 'home teaching and learning') @journal_name ('student', 'home teaching and learning') @author_name ('student', 'home teaching and learning') @institution ('student', 'home teaching and learning') @art_pub_year ('student', 'home teaching and learning')

2.3 Peringkat pemilihan

Dalam peringkat pemilihan artikel, garis panduan Perfect Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses (PRISMA) telah digunakan sebagai panduan untuk membuat pemilihan dan penyemakan artikel berdasarkan persoalan kajian.

Penggunaan PRISMA membenarkan carian rapi dan sistematik berkaitan kekangan PdPR di Malaysia melalui proses tapisan berdasarkan kelayakan dan pengecualian artikel yang diperoleh daripada pangkalan data yang dipilih iaitu SCOPUS dan MyCite.


2.4 Kriteria Kelayakan dan Pengecualian

Beberapa kriteria telah ditetapkan untuk kelayakan dan pengecualian untuk menapis artikel yang diperoleh daripada pangkalan data SCOPUS dan MyCite iaitu dari segi jenis dokumen, bahasa, garis masa penerbitan, negara dan artikel jurnal boleh diakses. Dalam peringkat ini, pemilihan artikel terhadap kepada artikel jurnal yang boleh diakses dari tahun 2020 sehingga 2023 yang berfokuskan negara Malaysia bagi memastikan kerelevaan artikel tersebut dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Artikel dalam bahasa inggeris dan melayu dipilih agar lebih mudah difahami dan ditafsirkan. Manakala, artikel jurnal yang tidak mempunyai akses terbuka, artikel jurnal dalam bahasa selain bahasa Inggeris dan melayu dan dari negeri lain, serta prosiding, persidangan, tesis atau buku adalah dikecualikan. Kriteria pemilihan dan penerimaan artikel ditunjukkan dalam Jadual 2.4.1 seperti berikut.

Jadual 2.4.1 Kriteria pemilihan dan penerimaan artikel

Kriteria	Pemilihan	Pengecualian
Jenis dokumen	Artikel jurnal	Prosiding, persidangan, tesis atau buku
Garis masa penerbitan	2020 sehingga 2023	2019 dan ke bawah
Bahasa	Bahasa inggeris dan melayu	Selain bahasa inggeris dan melayu
Negara	Malaysia	Selain negara Malaysia
Akses	Akses terbuka	Selain akses terbuka

Proses semakan bersistematik mempunyai beberapa tahap. Tahap pertama adalah proses mengenal pasti (identification) artikel yang wujud dalam pangkalan data Scopus dan MyCite berdasarkan kata kunci yang digunakan untuk proses carian. Hasil carian menggunakan kata kunci yang digunakan menunjukkan bahawa wujud 3 dokumen daripada SCOPUS dan 32 dokumen daripada MyCite. Tahap yang kedua adalah proses saringan yang mana 13 daripada 35 dokumen dikecualikan berdasarkan jenis dokumen bukan artikel jurnal, tahun penerbitan adalah tahun 2019 dan ke bawah dan negara. Tahap ketiga ialah proses kelayakan (eligibility) yang mana artikel penuh telah diperiksa dan didapati 7 artikel telah dikeluarkan kerana tidak berkait rapat dengan kekangan atau cabaran PdPR di Malaysia dan hanya 15 belas artikel jurnal sahaja yang berkaitrapat yang layak dimasukkan untuk semakan analisis kualitatif. Rajah 2.4.1 menunjukkan proses semakan secara sistematik dijalankan dalam kajian ini. Manakala, Jadual 2.4.2 menunjukkan hasil dapatan awal 15 artikel jurnal yang layak dimasukkan dianalisa secara kualitatif.



Rajah 2.4.1 Proses semakan sistematik

Jadual 2.4.2 Hasil Dapatan Awal Carian Jurnal Artikel.

Pengkaji	Tahun	Deskriptif
Abdul Rashid dan Narowi	2021	Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.
Abdullah dan Amran	2021	Penglibatan murid dalam pembelajaran secara atas talian semasa Covid-19 di Malaysia
Hj. Ag. Ahmad et al.	2021	Pendefinisian semula "digital proverty" selaras dengan pelaksanaan PdPR.
Kamaruddin dan Amir	2021	Kesediaan guru melaksanakan Pembelajaran secara PdPR dalam norma baharu.
Rajak et al.	2021	Penilaian capaian internet bagi tujuan kesediaan pembelajaran secara atas talian dan dari rumah.
Sapian et al.	2021	Penglibatan murid-murid bandar dalam pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.
Tawyer et al.	2021	Penglibatan murid dalam pembelajaran secara atas talian semasa Covid-19 di Malaysia
Faiz Zuarimi dan Muhamad	2022	Keberkesanan PdPR sepanjang Covid-19.
Fong Peng dan Jamaludin	2022	Kesediaan dan motivasi pelajar dalam pembelajaran secara atas talian.
Hazizul Hasan et al.	2022	Perspektif Pembelajaran secara atas talian semasa pandemik Covid-19.
Ismail dan Khalid	2022	Motivasi pelajar dalam pembelajaran secara atas talian.
Kuppan dan Mohamad Said	2022	Pelaksanaan pedagogi menggunakan teknologi dan cabaran PdPR.

Md Jori	2022	Perspektif Pembelajaran secara atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
Mohamed et al.	2022	Kesediaan guru melaksanakan Pembelajaran secara PdPR dalam norma baharu.
Sidek dan Daman	2022	Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah semasa PdPR.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Guru-guru memulakan PdPR dalam keadaan serba kekurangan dari segi kurang berkemahiran dan rujukan untuk panduan pembelajaran secara atas talian. Manakala keadaan murid juga tidak bersedia pada tahun 2020. Dalam mengenal pasti tahap keberkesanan PdPR yang dilaporkan lemah dan memberi tekanan kepada para pelajar, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kekangan PdPR di Malaysia agar dapat diperkasakan sekiranya ianya dilaksanakan semula oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian ini menjelaskan secara sistematik berkenaan kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan PdPR dari aspek guru dan pelajar. Dapatan hasil kajian mendapati tiga tema utama iaitu pertama tiada peranti bersesuaian dan rangkaian internet yang lemah. Kedua tidak mencapai pemahaman optima. Terakhir Motivasi dan disiplin pelajar yang lemah. Pengelasan hasil kajian berkenaan kekangan dan cabaran PdPR sebanyak 15 artikel terpilih merujuk jadual 3.0.1.

Jadual 3.0.1 Hasil Kajian Kekangan dan Cabaran PdPR Jurnal Artikel

Pengkaji	Perspektif (Guru/Pelajar)	Kekangan/Cabaran PdPR
Abdul Rashid dan Narowi (2021)	guru	Faktor umur Guru Ketiadaan peralatan elektronik atau peranti. Kebolehcapaian internet yang lemah. Pengendalian praktikal ibadah dan tasmik al-Quran kerana ia memerlukan proses penilaian secara bersemuka. Guru tetap memilih kaedah secara bersemuka sebagai kaedah utama dalam pengajaran.
Abdullah dan Amran (2021)	guru	Tiada motivasi yang cukup untuk pelajar meneruskan pembelajaran atas talian. Interaksi dua hala antara murid dan guru masih belum cukup Talian Internet yang lemah membantutkan proses pembelajaran murid pendalaman. Masalah alat telekomunikasi membantutkan proses pembelajaran murid pendalaman.
Hj. Ag. Ahmad et al. (2021)	guru	Guru sukar menilai pelajar praktikal/amali dengan tepat. Guru sukar menilai integriti pelajar. Keberadaan pelajar yang kurang memberangsangkan semasa pembelajaran dalam talian
Kamaruddin dan Amir (2021)	guru	Guru tidak bersedia menghadapi pembelajaran dalam talian
Rajak et al. (2021)	pelajar	capaian internet pada tahap sangat lemah kehadiran kelas secara virtual (maya) membuatkan murid-murid kurang fokus ketika sesi pembelajaran kurangnya sokongan daripada ibu bapa kepada murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran penjadualan tidak sesuai
Sapian et al. (2021)	guru	Guru kurang pengetahuan dan kemahiran penggunaan pembelajaran dalam talian. Kesediaan murid dalam pembelajaran secara dalam talian berada pada tahap sederhana. Masalah kehadiran Murid dalam kelas membawa kepada ketinggalan pembelajaran
Tawyer et al. (2021)	Pelajar	Tahap penggunaan internet kurang mahir

Faiz Zuarimi dan Muhamad (2022)	Guru dan pelajar	Masalah capaian internet yang lemah di Kawasan pedalaman Tahap motivasi pelajar lemah dalam komunikasi Tiada Peranti yang bersesuaian dengan pembelajaran
Fong Peng dan Jamaludin (2022)	pelajar	kekurangan peranti kekangan capaian Internet lokasi pembelajaran yang tidak kondusif.
Hazizul Hasan et al. (2022)	pelajar	Cabaran pedagogi kebanyakannya dikaitkan dengan ketidakcekapan pensyarah dan pelajar dalam kemahiran digital. kekurangan kandungan berstruktur berbanding kelimpahan sumber dalam talian kekurangan interaksi dan motivasi pelajar. kekurangan pengetahuan kandungan pedagogi pensyarah yang diperlukan untuk pengajaran dalam talian. kekurangan sokongan ibu bapa yang kerap bekerja dari jauh di ruang yang sama.
Ismail dan Khalid (2022)	pelajar	Motivasi pelajar telah berkurang semasa pembelajaran online Pelajar mengulang kursus kerana gagal skor pembelajaran secara online
Kuppan dan Mohamad Said (2022)	guru	kekurangan peralatan teknologi menyebabkan pelajar di luar bandar tidak dapat menghadiri kelas atas talian. Tidak tahu jenis kaedah pembelajaran berkesan untuk pembelajaran secara online
Md Jori (2022)	pelajar	para pensyarah perlu kaedah bersesuaian yang tepat bagi program teknologi automotif (kemahiran amali) untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan pdp. Kehadiran Murid dalam kelas tidak memberangsangkan
Mohamed et al. (2022)	guru	masalah capaian internet khususnya di kawasan pedalaman Kesediaan guru dalam mengaplikasi pembelajaran digital dalam PdPR.
Sidek dan Daman (2022)	guru	Kesediaan guru melaksanakan aktiviti PdPR sangat rendah guru hilang focus dengan keadaan pelajar ketidakstabilan Internet Ketiadaan alat peranti komunikasi ibu bapa yang kurang memberi respons atau Kerjasama Masalah ketidakhadiran Gangguan luar dan dalam kepada pelajar Guru tidak dapat kawal kehadiran pelajar

3.1 Tiada peranti bersesuaian dan rangkaian internet yang lemah

Terdapat 4 artikel yang menyatakan masalah ketiadaan peranti yang bersesuaian menjadi kekangan kepada guru dan pelajar untuk menyesuaikan diri dalam PdPR. Selain itu kekurangan peranti itu sendiri seperti gajet yang telah ketinggalan teknologi terkini menjadi punca masalah untuk pelajar memberi komitmen penuh dalam PdPR.

Rangkaian internet juga menjadi halangan kepada pelajar untuk hadir secara sempurna sepanjang PdPR. Hasil dari pengelasan artikel, terdapat 8 artikel menyentuh berkenaan rangkaian internet yang lemah dan kesannya terhadap Pdpr. Jesteru itu, Internet yang kuat menyokong hubungan dua hala diantara guru dan pelajar semasa kelas di atas talian.

3.2 Tidak mencapai pemahaman optima

Terdapat 10 artikel menekankan pemahaman dan pengetahuan terhadap kaedah Pdpr menjadi kekangan kepada guru untuk memastikan pelan pengajaran berjalan dengan lancar seperti kelas bersemuka. Pengendalian kelas yang melibatkan pembelajaran amali juga menjadi masalah kepada guru dari aspek menilai pelajar

dan memantau integriti pelajar sepanjang Pdpr. Pengendalian kaedah Blended Learning juga merupakan cabaran kepada guru untuk memahami dan mengaplikasikan kaedah itu dengan segera kepada pelajar. Penyelidik mendapati 5 artikel menyebut berkenaan pengendalian kelas dan cara mengawal pelajar untuk fokus dalam Pdpr.

3.3 Motivasi dan disiplin pelajar yang lemah

Kebanyakan pelajar telah menjadi responden kajian lepas untuk melihat motivasi dan disiplin pelajar sepanjang tempoh Pdpr. Terdapat 6 artikel menjelaskan kurangnya motivasi belajar adalah kekangan utama yang dihadapi setelah melalui Pdpr. Pembelajaran atas talian membuatkan pelajar tidak dapat fokus kerana dipengaruhi persekitaran di rumah dan menyebabkan ada dalam kalangan pelajar semakin menurun motivasi atau semangat untuk belajar. Faktor kurang sokongan ibu bapa untuk ke kelas Pdpr juga menjadi punca turunnya motivasi pelajar. Sehubungan itu, pelajar terkesan akan mengalami masalah ketidakhadiran ke kelas Pdpr.

4.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian SLR secara menyeluruh menjelaskan bahawa cabaran utama dalam PdPr adalah pelajar mempunyai masalah untuk mengakses capaian internet dan ketiadaan peranti elektronik. Ini kerana, capaian internet yang lemah menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran akan terganggu. Menurut kajian Hafiy & Narowi (2021), kebolehcapaian internet yang bagus merupakan faktor utama kelancaran dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Ini disokong oleh Ag. Ahmad & M. Yusof (2021) yang menjelaskan bahawa tidak semua pelajar bersedia untuk menghadapi PdPr kerana wujudnya ketidakseimbangan peluang akibat lokaliti pelajar berbeza-beza dan tiada peralatan seperti telefon atau komputer riba. Terdapat pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman yang sangat terbatas dari segi akses internet menjadi kekangan utama mereka untuk menyertai pengajaran dan pembelajaran dengan baik.

Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan pelajar kurang berminat dengan pengajaran dan pembelajaran dari rumah disebabkan penggunaan aplikasi atas talian yang memerlukan penggunaan data yang agak tinggi bagi semua subjek yang terlibat (Tawyer et al., 2021). Hal ini agak menyukarkan pelajar kerana terpaksa membelanjakan kos yang agak tinggi untuk tujuan capaian internet (Ismail et al., 2020). Walaubagaimanapun, dapatan kajian ada menyatakan bahawa guru, ibu bapa dan pelajar lebih selesa menggunakan aplikasi Google Meet, WhatsApp atau Telegram dalam menyampaikan maklumat antara satu sama lain kerana lebih mudah dan pantas. Satu kajian yang dijalankan oleh Rajak et al., (2021) mendapati pelajar-pelajar haruslah bersedia dari awal sebelum mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) terutamanya dalam capaian internet samada data selular (cellular data), internet WiFi (home WiFi), jalur lebar (broadband) dan WiFi awam (public WiFi). Ini bagi memastikan para pelajar dapat meningkatkan kefahaman pembelajaran pada tahap maksimum serta tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Di samping itu, kekangan lain yang ditekankan dalam dapatan kajian adalah para pelajar tidak mencapai tahap pemahaman optimum semasa proses pembelajaran dijalankan. Ini adalah cabaran bagi para guru untuk mempelbagaikan pedagogi terbeza (Differentiated Pedagogy) kepada pelajar dalam melaksanakan PdPr dalam talian. Menurut Zurina et al. (2021), pedagogi terbeza merupakan satu bentuk pedagogi terkini yang perlu diamalkan untuk

memenuhi keperluan pembelajaran murid yang mempunyai tahap penguasaan pelbagai aras bagi memperoleh proses pembelajaran bermakna di dalam kelas tanpa rasa terpinggir. Antara masalah lain yang dihadapi adalah dalam kalangan guru veteran yang terpaksa menerima dan mempelajari pelbagai aplikasi teknologi baharu dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian (A. Rashid & Narowi, 2021). Ini disokong oleh Kuppam & M. Said (2022) menjelaskan bahawa para guru dan pelajar kerap menggunakan google meet, telegram dan whatsapp sebagai medium pengajaran yang lebih mudah dipelajari. Namun, para pelajar lebih memilih medium telegram kerana pakej data internet yang lebih rendah (Afeeqah & Jasmy, 2017). Ini selari dengan pandangan dari para guru menyatakan mereka juga selesa dan mudah untuk menggunakan medium telegram atau google meet semata-mata hanya ingin memastikan para pelajar dapat mengikuti kelas yang dijalankan tanpa ada keciciran (Kuppam & M. Said, 2022).

Namun, terdapat juga pelajar lengkap memiliki gajet tetapi tidak mempunyai masa, ruang dan sokongan moral untuk terlibat secara optimum dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Ini kerana, para pelajar perlu mempunyai ruang belajar yang sesuai untuk terus aktif, konsisten dan interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian (Ag. Ahmad & M. Yusof, 2021). Ini bertepatan dengan kajian oleh Tawyer et al., 2021 yang menekankan bahawa pelajar tidak dapat memberikan perhatian terhadap pengajaran disebabkan oleh pengajaran dan pembelajaran di rumah ada gangguan seperti bising dan tiada persekitaran yang kondusif. Tambahan lagi, dapatan kajian daripada perspektif guru yang menyatakan bahawa pelajar kurang berinteraksi antara guru dan pelajar yang menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian kurang berkesan. Dapatan kajian ini disokong oleh Abdullah & Amran (2021) yang menyatakan bahawa masalah komunikasi menyebabkan guru tidak dapat mengetahui tahap pemahaman atau permasalahan yang dihadapi pelajar. Interaksi di alam maya sangat berbeza dengan bersemuka yang kadang kala disalahguna oleh para pelajar. Kesannya, para pelajar tidak dapat memahami pelajaran dengan jelas.

Kekangan seterusnya adalah pelaksanaan PdPr ini telah menyebabkan tahap motivasi di kalangan pelajar semakin menurun disebabkan ramai ibu bapa yang tidak memberikan perhatian dan sokongan kepada anak-anak. Ramai ibu bapa yang amat sibuk dengan urusan menyebabkan tiada motivasi yang cukup untuk anak-anak meneruskan pembelajaran atas talian. Ini disokong oleh Abdullah & Amran (2021) yang menjelaskan bahawa pelajar tidak memberikan komitmen sepenuhnya terhadap kehadiran ke kelas secara atas talian semasa pandemik covid-19 di Malaysia. Sekiranya pelajar kerap ponteng ke kelas akan menyebabkan pelajar kurang motivasi dalam pembelajaran, ini akan melemahkan kegiatan belajar yang menyebabkan mereka tiada tujuan dalam mencapai sesuatu (Norazilawati, 2020). Oleh itu, peranan ibu bapa sangat penting dalam menyokong anak-anak supaya mereka lebih bersemangat dan bersedia mengadaptasi norma baharu dalam proses pembelajaran mereka. Selain itu, tahap penguasaan sebahagian pelajar terhadap penggunaan aplikasi atas talian juga agak lemah. Ini memberi kesan kepada pelajar untuk tidak fokus dan kurang minat terhadap pembelajaran yang diajar (Tawyer et al., 2021). Bagi pelajar yang mempunyai masalah capaian internet juga akan menyebabkan lama kelamaan mereka akan kurang motivasi untuk belajar kerana tidak dapat menyertai kelas yang dijalankan terutamanya bagi pelajar di kawasan pedalaman.

5.0 KESIMPULAN

Era pandemik Covid-19 telah mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Malaysia daripada pembelajaran secara bersemuka kepada atas talian. Perubahan ini melibatkan semua tahap pendidikan dari pra-sekolah sehinggalah universiti. Keseluruhan artikel ini berjaya membuktikan bahawa perspektif guru dan pelajar terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) mempunyai kekangan atau cabaran antaranya masalah capaian internet, tahap pemahaman pelajar secara optimum dan pelajar kurang motivasi semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atas talian dijalankan. Hasil kajian ini memberi implikasi praktikal kepada semua para guru dan pelajar supaya menormalisasikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara digital untuk meminimalkan cabaran PdP secara atas talian. Selain itu, hasil kajian ini turut memberi implikasi praktikal kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya sentiasa bersiap siaga sekiranya PdPR berlaku pada bila-bila masa mengikut keperluan semasa. KPM juga perlu memastikan semua guru dan pelajar menguasai teknologi dari pelbagai aplikasi baharu termasuk Artificial Intelligence (AI) dalam pembelajaran pendidikan digital.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan kerjasama di antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam memperkasakan dan merealisasikan wakaf pendidikan sebagai alternatif daripada pergantungan penuh kepada pembiayaan kerajaan sahaja. Dengan adanya wakaf pendidikan, ianya dapat membantu pelajar mempunyai alatan pembelajaran, kemudahan internet serta menyediakan kursus-kursus tambahan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan kemahiran terutamanya pengaplikasian teknologi digital. MAIN juga diharap dapat memainkan peranan penting dalam mempromosikan dan menggalakkan orang ramai untuk membuat sumbangan dana wakaf Manqul (harta alih) dalam usaha membantu meringankan beban ibu bapa dan pelajar yang kurang berkemampuan menghadapi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr).

6.0 PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah disokong oleh Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE) melalui Skim Geran Jangka Masa Pendek (FCoEE STG – 007).

7.0 RUJUKAN

- Abdul Rashid, M. H., & Narowi, M. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Secara dalam Talian: Perspektif Guru di Sekolah Maahad Hafiz, Klang. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 150–162. <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.2.573>
- Abdullah, M. H., Jaes, L., Rozali, M. Z., Azhar, N., Kamaruddin, Y., & Maula, A. (2022). Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR): Elemen Humanisme dalam Sistem Pendidikan. *Human Sustainability Procedia*, 2(2), 57–67. <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.02.007>
- Abdullah, N. A., & Amran, M. S. (2021). Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic*

- Studies and Education (ARISE), 1(4), 32–39. <https://myedujournal.com/index.php/arise/article/view/68>
- Anwar Patho Rohman & Mohd Nasaruddin Parzi. (Jun 23, 2020). Hanya 20-30 peratus murid ikuti PdP dalam talian, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703364/hanya-20-30-peratus-murid-ikuti-pdp-dalam-talian>
- Bernama (Februari 19, 2021). KPM bantu guru sampaikan PdP dengan baik melalui DidikTV. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-bantu-guru-sampaikan-pdp-dengan-baik-melalui-didiktv-283628>
- Faiz Zuarimi, M. A., & Muhamad, T. A. (2022). Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (Pdpr) Sepanjang Covid-19 Serta Keberkesanannya Terhadap Pelajar. Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial, 15(1). https://myjournal.mohe.gov.my/public/issue-view.php?id=16687&journal_id=1041
- FMT (Free Malaysia Today) (September 21-2021). 51% murid sekolah rasa tertekan dengan PdPR, kata KPM. FMT Reporters. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/09/21/51-murid-sekolah-rasa-tertekan-dengan-pdpr-kata-kpm/>.
- Fong Peng, C., & Jamaludin, Z. (2022). Kesiediaan, Motivasi dan Kepuasan Pelajar Tingkatan 1 dalam pembelajaran Komsas Secara dalam Talian. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 12(1), 29–39. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/302>
- Hazizul Hasan, M., Jahidin, A. H., & Zakaria, Y. (2022). Student Perspective on Distance Online Learning Experience during The Covid-19 Pandemic in Undergraduate Pharmacy Program in Uitm: Pharmacology of Cns Drugs. International Journal on e-Learning and Higher Education, 17(1), 25–45. <https://myjournal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=174685>
- Hj. Ag. Ahmad, S., Mohd. Yusof, S., Meri, A., & Modili, C. (2021). Isu Dan Pendefinisian Semula Digital Poverty dalam Pengajaran, Pembelajaran dan Penyelidikan (Ppdp) Secara Atas Talian. Issues and The Redefinition of “Digital Poverty” in Online Teaching, Learning and Supervision (Tls). Jurnal Komunikasi Borneo, 9(Jun), 104–113. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/view/3289>
- Ismail, N., & Khalid, M. K. A. (2022). Assessing Student Motivation in Macroeconomics Course During Teaching and Learning from Home. GADING (Online) Journal for Social Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, 25(1), 11–18. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/67002/1/67002.pdf>
- Kamaruddin, N., & Amir, R. (2021). Kesiediaan Guru Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah Dalam Mendepani Norma Baharu. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(3), 308–319. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/15721/8143>
- Kuppan, K. A., & Mohamad Said, M. N. H. (2022). Kajian Berkaitan Pedagogi Guru-guru SJK (T) Daerah Segamat Dalam Pelaksanaan PdPR. Innovative Teaching and Learning Journal, 6(1), 72–84. <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/86/77>
- Maisarah Sheikh Rahim (18 Februari 2021). 1.85 juta pelajar tiada peranti belajar secara dalam talian. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/02/1-85-juta-pelajar-tiada-peranti-belajar-secara-dalam-talian/>
- Md Jori, M. H. (2022). Pembelajaran Secara dalam Talian Melalui Aplikasi Telegram: Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar dan Juga Halangan. JAUHARI, IV, 150–158.
- Mohamed, H. (2022). Implementasi Pengajaran Dan Pembelajaran di Rumah Dalam Norma Baharu: Persepsi Guru. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 14(2), 80–94. <https://doi.org/10.17576/ajtlhe.1402.2022.06>

- Nagaraj, K., & Mahmud, M. S. (2023). Kesan Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) dalam Pendidikan Matematik: Tinjauan Literatur Bersistematis (SLR). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4). <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.4.22>
- Norazah Nordin. (Jun 8, 2021). Pendigitalan sistem pendidikan perlu disegerakan, <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/06/825360/pendigitalan-sistem-pendidikan-perlu-disegerakan>
- Rajak, M. a. A., Nasrullah, A. A., Lasaraiya, S., & Bakri, S. N. S. (2021). Preliminary Study on Pre-University Students' Readiness for Online Teaching and Learning at Home (PdPR): An Assessment in Internet Accessibility. *Journal of Information System and Technology Management*, 6(23), 136–146. <https://doi.org/10.35631/jistm.623012>
- Saadiah Ismail. (Mei 7, 2021) PdPR perlu dikaji semula. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/814717/pdpr-perlu-dikaji-semula-nutp>
- Sapian, N. A., Mahamod, Z., & Mahad, I. (2021). Penglibatan Murid-Murid Sekolah Kebangsaan di Kawasan Bandar Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Daripada Persepsi Guru Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 80–97. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.7.2021>
- Shaffril, H. a. M., Samah, A. A., & Samsuddin, S. F. (2021). Guidelines for developing a systematic literature review for studies related to climate change adaptation. *Environmental Science and Pollution Research*, 28(18), 22265–22277. <https://doi.org/10.1007/s11356-021-13178-0>
- Sidek, R., & Daman, B. (2022). Pelaksanaan PBD Dalam PDPR: Suatu Cabaran Buat Guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 20(1), 1–21. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/20871/11250>
- Tawyer, H., Mohamad Nur, H., & Ab Rashid, A. H. (2021). Pengajaran dan Pembelajaran Norma Baharu dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Malaysia [Teaching and Learning New Norms Among Malaysian Community College Students]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 26–37. <https://nunjournal.com/index.php/qalam/article/view/38>